

29/07/2001

Kenyataan PM dianggap satu cabaran

Mohd Fuad Razali; Raihanah Abdullah; Hafizah Iszahanid

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak menyifatkan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengetatkan syarat kemasukan pelajar Melayu ke institusi pengajian tinggi awam dengan memilih berdasarkan kecemerlangan (meritokrasi), sebagai kata dua kepada mereka supaya tidak terlalu bergantung kepada kerajaan.

Mereka menyifatkan kenyataan Perdana Menteri itu sebagai amaran pelajar Melayu sepatutnya insaf dan tidak terlalu dimanjakan hingga kerajaan terpaksa membantu mereka sepanjang masa.

Presiden Persatuan Kebangsaan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Bumiputera, Prof Dr Ismail Mohd Salleh, berpendapat Perdana Menteri mahu mencabar pelajar dan masyarakat Melayu supaya membuktikan mereka boleh berjaya tanpa bantuan kerajaan.

"Saya lebih melihat ini suatu cabaran kepada pelajar dan masyarakat Melayu supaya tidak terlalu bergantung kepada kerajaan dan cuba tingkatkan diri dengan usaha sendiri kerana walaupun banyak bantuan diberikan, sesetengahnya tidak berterima kasih dengan bantuan dan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Hari Teknologi Maklumat Untuk Orang Buta yang dilancarkan oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, di Kompleks MAB di sini, semalam.

Pemilihan kemasukan berdasarkan meritokrasi iaitu kecemerlangan akademik dan tiada bantuan pendidikan adalah antara tindakan radikal yang diumumkan oleh Dr Mahathir, yang akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi menyelamatkan pelajar Melayu daripada belenggu gejala sosial, keruntuhan moral, keciciran dan masalah pelajar lelaki di institusi pengajian tinggi (IPT).

Bagaimanapun, langkah itu hanya sebagai percubaan untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun bagi mengetahui kesannya.

Dr Ismail bagaimanapun berpendapat, kebanyakan pelajar Melayu sebenarnya memang memerlukan dan menghargai bantuan kerajaan.

Namun, katanya, yang menimbulkan masalah adalah segelintir pelajar yang vokal dan membuat tindakan yang tidak menggambarkan mereka berterima kasih dengan bantuan yang diberikan.

"Mungkin kerana segelintir yang vokal dan menggambarkan mereka tidak berterima kasih, itu yang menyebabkan ada tanggapan pelajar Bumiputera tidak berterima kasih.

"Bagaimanapun majoriti amat memerlukan bantuan dan mereka menggunakannya sebaik mungkin. Tidak semua (pelajar tidak berterima kasih)," katanya.

Dr Ismail bagaimanapun berpendapat masalah yang dihadapi masyarakat Melayu ada kaitan dengan kedudukan sosioekonomi serta persekitaran mereka.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata langkah kerajaan mengambil tindakan radikal bagi menangani masalah pelajar Melayu termasuk kemungkinan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke universiti, bertujuan menyedarkan pelajar supaya tidak mengambil mudah sistem kuota ke universiti.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, walaupun sistem kuota ke universiti adalah satu dasar yang diperjuangkan oleh Umno selama ini tetapi ada pelajar yang tidak berterima kasih dan sebaliknya menunjukkan sikap penentangan pula.

"Apa yang dihasratkan ialah supaya ada sedikit kejutan di kalangan pelajar agar mereka tidak menganggap sistem kuota seolah-olah hak Melayu," katanya selepas memeriksa sembilan pesawat Pilatus PC 7 MK II di Kuantan, semalam.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, pula berkata Wanita Umno memandang serius masalah keciciran pelajar Melayu, terutama lelaki di institusi pengajian tinggi (IPT).

Beliau berkata, Wanita Umno akan turut menggembleng tenaga untuk bersama-sama membendung masalah keciciran pelajar Melayu lelaki di IPT.

"Masalah keciciran pelajar lelaki yang semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini akan turut dibincangkan hingga ke peringkat akar umbi bagi memastikan masalah itu tidak berlanjutan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan seminar sehari Globalisasi, Gender dan Pembangunan anjuran Pergerakan Wanita Umno, di Kuala Lumpur, semalam.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata kerajaan sememangnya bimbang dan risau dengan masalah keciciran pelajar Melayu, di IPT.

Beliau berkata, keciciran pelajar lelaki lebih tinggi daripada wanita di negara ini mungkin berpunca daripada sikap ibu bapa yang kadangkala membeza-bezakan anak perempuan dan lelaki.

"Anak lelaki tidak sepatutnya terlalu dimanjakan dan dibezakan dengan anak perempuan sekiranya ibu bapa mahu melihat golongan itu juga berjaya," katanya.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, Perdana Menteri membuat kenyataan itu didorong sikap prihatin beliau terhadap masa depan pelajar Melayu, terutama mereka yang diberi tempat di universiti tempatan.

"Masalahnya kini ramai pelajar Melayu memasuki universiti bukan untuk belajar sebaliknya terbabit dalam kegiatan radikal akibat pengaruh pihak tertentu.

"Ini bukan sahaja menjadi masalah tetapi satu kerugian kepada kerajaan kerana kebolehan pelajar berkenaan tidak dapat dimanfaatkan bagi pembangunan negara, sekali gus menghampakan harapan ibu bapa mereka," katanya.

Sementara itu, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) berharap cadangan kerajaan mengambil pelajar ke universiti berdasarkan meritokrasi dan tanpa bantuan sebagai tindakan terakhir yang akan dilaksanakan bagi menyedarkan pelajar Melayu.

Ketua Penerangannya, Jaafar Rahim, berkata sebelum langkah sedemikian dilaksanakan, Kementerian Pendidikan sendiri perlu meningkatkan pemantauannya terhadap pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sejak mereka memasuki program matrikulasi lagi.

Katanya, usaha perlu ditingkatkan untuk mendekati pelajar bagi membolehkan mereka dididik dan diasuh supaya tidak terpengaruh dengan golongan tertentu yang cuba memperdaya mereka selepas memasuki IPT.

"Kenyataan Perdana Menteri itu sebenarnya adalah amaran kepada pelajar Melayu. Amaran itu sangat baik. Bagaimanapun kita berharap ia adalah tindakan terakhir yang dilakukan kerajaan sesudah semua cara tidak berjaya.

"Walaupun amaran itu diberikan kepada semua pelajar, kita berharap kerajaan bersikap adil dalam tindakannya supaya tidak menggugat mereka yang benar-benar mahu belajar.

"Kita tidak mahu nanti kerana segelintir pelajar yang tidak tahu berterima kasih menyebabkan mereka yang bersungguh-sungguh mahu belajar terlepas peluang," katanya.

(END)